

Konsep At-Tadayyun dan Tuntutannya Dalam Kehidupan

***Engku Zarihan Engku Abdul Rahman¹, Mohd Aderi Che Noh², Ab Halim Tamur³,
& Abdul Aziz Mat Isa⁴***

Universiti Kebangsaan Malaysia^{1,2,3} & Universiti Tenaga Nasional⁴

ABSTRAK

At-Tadayyun merupakan kayu ukur terpenting bagi seorang insan untuk melihat sejauh mana keyakinannya terhadap risalah Islam, kepatuhannya terhadap apa yang diperintahkan dan kesungguhannya dalam meninggalkan segala larangan-Nya. Melalui keupayaan berfikir yang dijadikan oleh Allah SWT kepada insan, ianya menjadi titik tolak keupayaan untuk menerima, menghayati dan melaksanakan tuntutan risalah ini. At-Tadayyun berasal dari perkataan ad-Din menunjukkan sifat-sifat kehidupan sosial yang memberi maksud yang lebih luas merangkumi kehidupan insan secara keseluruhan. Ia berperanan memimpin ke arah kebenaran untuk melaksanakan kehidupan serta berinteraksi sesama manusia. Melalui penyerapan nilai at-Tadayyun di dalam diri seorang muslim, pelaksanaan tanggungjawab utama sebagai hamba yang menumpukan seluruh pengabdian diri kepada Allah SWT dan khalifah yang berperanan memakmurkan muka bumi ini dapat dilaksanakan dengan baik sebagaimana yang telah ditonjolkan oleh Rasulullah SAW sepanjang kehidupan Baginda SAW. Justeru, kertas konsep ini mengupas secara mendalam mengenai at-Tadayyun menurut perspektif Islam dan konsep asas yang mendasarinya dengan menghuraikan hakikat Iman, Islam dan Ihsan. Manakala manifestasi daripada asas tersebut melahirkan akidah yang benar, ibadah yang sejahtera dan akhlak yang mulia. Dengan itu, ianya menepati hakikat at-Tadayyun yang menjadi tuntutan dalam kehidupan insan sebagaimana yang telah disampaikan oleh Rasulullah SAW.

Kata kunci: At-Tadayyun, hakikat insan, risalah Islam, hamba, khalifah

ABSTRACT

At-Tadayyun is the most important measure of a person to see how far his confidence in the message of Islam, obedience to the commandments and determination in leaving His prohibitions. Through the thinking ability that was made by Allah to man, it's a starting point that the ability to accept, embrace and implement the teachings of Islam. At-Tadayyun derived from ad-Din, which shows the properties of social life that give a wider meaning encompassing the whole of human life. Its role is to lead towards the truth to perform live and interacts with others. With at-Tadayyun compound in a person, the primary responsibility as a servant who devoted an entire devotion to Allah and the role of Caliph inhabit the earth can be performed well as was enlightened by the Prophet Muhammad SAW during his life. Hence, this paper explores in depth the concept of at-Tadayyun in Islamic perspective and basic concepts underlying the elaborate nature of Iman, Islam and Ihsan. The manifestation of the principle of at-Tadayyun expressed true faith and worship, and noble character. As such, it fulfils the concept of at-Tadayyun and needs in human life as handed down by the Prophet Muhammad SAW.

Keywords: At-Tadayyun, human nature, the message of Islam, slaves, Caliph

PENDAHULUAN

Manusia merupakan makhluk ciptaan Allah SWT yang terdiri daripada unsur roh dan jasad. Penciptaan manusia ini dimulakan dengan kurniaan akal yang sekaligus mengangkat martabatnya menjadi sebaik-baik kejadian (At-Tin ayat 4-6). Manusia diciptakan dengan kelebihan akal untuk

menguasai dan mentadbir alam. Allah SWT menundukkan alam untuk kemaslahatan manusia termasuk haiwan (Muhammad Mahmud Hijazi, 2005). Ini bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia yang disediakan oleh Allah SWT mengajak kepada berkasih sayang, tolong menolong, mengutamakan keadilan dan berakhlak mulia. Walaubagaimanapun, manusia juga akan dikembalikan oleh Allah SWT ke dasar api neraka dengan seburuk-buruk balasan akibat terjerumus ke lembah kejahatan yang menggerakkan elemen-elemen kejahatan (Muhammad Mahmud Hijazi, 2005) sehingga mereka menolak kebenaran yang diwahyukan, serta menurut hawa nafsu yang mendorong kepada kerosakan.

Melalui keupayaan akal, manusia dapat membentuk pengetahuan samada benar atau salah yang mendorongnya untuk melakukan kebaikan ataupun kejahatan (Haron Din, Dr, 1990). Manusia diberi peranan oleh Allah SWT untuk melaksanakan tanggungjawab kehambaan dengan meletakkan pengabdian hanya kepada Allah SWT dan seterusnya memakmurkan alam ini sebagai khalifah-Nya di atas muka bumi. Pelaksanaan tanggungjawab ini perlu dipandu dengan risalah Ilahi yang membentuk insan menjadi manusia yang mengikat dirinya dengan tuntutan ketaatan kepada Pencipta. Oleh sebab itu, kefahaman terhadap konsep At-Tadayyun yang didasari oleh aspek Iman, Islam dan Ihsan mampu melahirkan muslim yang memiliki akidah yang benar, ibadah yang sejahtera dan akhlak mulia yang membawa kebahagiaan di dunia dan akhirat.

KONSEP AT-TADAYYUN

At-Tadayyun merupakan kayu ukur terpenting bagi seseorang untuk melihat sejauh mana keteguhan dan keyakinannya terhadap nilai ajaran Islam, kepatuhannya terhadap apa yang diperintahkan oleh Allah SWT dan kesungguhannya dalam meninggalkan segala larangan-Nya. At-Tadayyun berasal dari perkataan ad-Din yang sering digunakan di dalam al-Quran, menunjukkan sifat-sifat kehidupan sosial yang memberi maksud lebih luas merangkumi kehidupan secara keseluruhan termasuk tindakan (Abdul Aziz, 2013) yang memimpin dan menunjukkan ke arah kebenaran kepada manusia tentang bagaimana untuk melaksanakan kehidupan serta berinteraksi sesama manusia. Zaidan (t.t) menggambarkan at-Tadayyun sebagai satu fenomena sosial yang bermaksud komitmen terhadap kepercayaan, kewajipan agama dan pelaksanaannya.

At-Tadayyun berasal dari perkataan 'din' yang sering digunakan di dalam al-Quran; menunjukkan sifat-sifat kehidupan sosial yang memberi maksud yang lebih luas merangkumi kehidupan secara keseluruhan termasuk tindakan yang memimpin dan menunjukkan ke arah kebenaran kepada manusia tentang bagaimana untuk melaksanakan kehidupan serta berinteraksi sesama manusia. Islam sebagai 'din' adalah pelengkap kehidupan manusia, yang mengandungi pengajaran yang membawa kepada keamanan, kemakmuran dan kebahagiaan untuk kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Ini bertepatan dengan firman Allah swt dalam surah al-'A'raaf ayat 172 yang bermaksud:

Dan (ingatlah), ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): "Bukankah Aku ini Tuhanmu?" Mereka menjawab: "Betul (Engkau Tuhan kami), kami menjadi saksi". (Kami lakukan yang demikian itu) agar di hari kiamat kamu tidak mengatakan: "Sesungguhnya kami (bani Adam) adalah orang-orang yang lengah terhadap ini (keesaan Tuhan)"

Abdul Rahman An-Nahlawi (2002) merumuskan maksud ad-Din sebagai sistem Ilahi yang sempurna yang mencakupi seluruh sistem kehidupan berdasarkan ketundukan dan kehambaan kepada Allah SWT serta berpegang teguh dengan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW.

Manakala Abu A'la al-Maududi (1981) pula mengupas maksud ad-Din sebagai suatu istilah yang mencakupi segala urusan manusia di dunia dan akhirat meliputi; kekuasaan yang maha mutlak (al-Mukmin 40: 64-65; al-Bayyinah 98:5); penyerahan diri lahir dan batin yang disertai dengan ketaatan dan kesetiaan terhadap kekuasaan tersebut (al-Anfaal 8:83; az-Zumar 39:2-3); Iman dan amal di bawah kekuasaan yang maha mutlak (Yusuf 12:40; ar-Rum 30; al-Kafirun 109:6) dan ganjaran yang diberikan sebagai balasan kepada golongan yang berbuat kebaikan yang membuktikannya dengan ketundukan terhadap peraturan yang ditentukan, atau golongan yang berbuat keburukan dengan menyeleweng daripadanya (az-Zariyat 51:5-6, al-Mau'un 107:1-3).

Dalam konteks Malaysia, at-Tadayyun merujuk sebagai pelaksanaan dan pengamalan agama oleh seseorang muslim di dalam kehidupannya samada secara individu dari aspek akidah, ibadah dan akhlak atau melibatkan individu lain (Zulkiplee Abd Ghani & Nor Salimah Abu Mansor, 2006). Manakala konsep penghayatan agama dalam konteks muslim merupakan penghayatan Islam kerana keagamaan memberi maksud keislaman (Mahmood Zuhdi, 2006:1). Ini diperkukuhkan lagi oleh Al-Qaradhawi (1984) yang menggambarkan konsep penghayatan agama sebagai menghayati agama dalam segenap aspek kehidupan dengan penuh kebulatan (menyeluruh) berdasarkan pengertian menghayati akidah sebagai pegangan hidup, ibadah sebagai amalan hidup, syariah sebagai peraturan dan pertimbangan hidup, serta akhlak mulia sebagai etika hidup termasuk menjauhi perbuatan syirik dan yang ditegah oleh Allah SWT.

Asas terbentuknya manusia yang mampu melaksanakan tuntutan asal kejadiannya, iaitu sebagai hamba dan khalifah lahir dari kefahaman dan penghayatan tiga unsur utama yang menjadi dasar iaitu Iman, Islam dan Ihsan. Hakikat tentang ketiga-tiga asas penting ini diperjelaskan oleh Rasulullah SAW dengan ringkas dan padat di dalam hadis kedua dalam himpunan 40 hadis oleh Imam An-Nawawi yang berkaitan kedatangan Jibril kepada Rasulullah SAW yang menyampaikan maksud Iman, Islam dan Ihsan (An-Nawawi, 1984)

Iman yang merupakan asas penting yang menjadi tapak berdirinya peribadi mukmin yang menjadi punca tenaga dan tempat lahir segala yang diperlukan dalam hidup seorang manusia. Ianya adalah asas pergantungan manusia yang melebihi kepentingan nyawa, harta, keluarga, bangsa, tanah air dan lain-lain (Shamsul Mohd Nor, 2012) yang diperjelaskan oleh Allah SWT di dalam surah Ali Imran ayat 102. Manakala hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, menukulkan jawapan Rasulullah SAW terhadap pertanyaan Sufian bin Abdullah RA yang bermaksud:

Wahai Rasulullah, ajarkanlah kepada saya mengenai agama Islam akan pengajaran yang saya tidak payah bertanya orang lain. Sabda Rasulullah SAW bermaksud : Katakanlah aku beriman kepada Allah, kemudian istiqamah (menurut jalan yang betul.)

(Hadis Riwayat Muslim)

Islam pula dari segi bahasa bermaksud berserah diri kepada Allah SWT (An-Nahlawi 2002), taat, setia dan patuh (Syed Ahmad Semait, 1979), penyerahan yang menyeluruh dan ketaatan selaras dengan firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 83. Menurut istilah syara', Islam memberi maksud menjunjung tinggi dan mengikut segala yang disuruh oleh Rasulullah SAW serta mempercayai segala yang disampaikan oleh Baginda SAW adalah benar daripada Allah SWT (Syed Ahmad Semait, 1979). Apabila seorang manusia beriman dengan asas-asas pemikiran Islam iaitu kepercayaan yang mutlak kepada Allah SWT dengan menyucikan-Nya daripada sebarang sekutu dan perantaraan, percaya kepada malaikat, rasul, kitab, kehidupan selepas mati, qadar, mengucap dua kalimah syahadah, mengerjakan solat fardhu, berpuasa bulan

Ramadhan, menunaikan zakat, mengerjakan haji sekali seumur hidup jika mampu, menjauhi perkara haram yang disepakati; dia adalah muslim mukmin (Ali At-Thontowi 1997).

Manakala Ihsan dari segi bahasa bermaksud berbuat baik. Walaubagaimanapun, dalam konteks yang lebih luas, ianya memberi makna penyempurnaan ibadah dengan menjaga hak-hak ketuhanan, memeliharanya dengan penuh kesedaran, merasai kebesaran Tuhan yang disembah dan yakin akan kehebatan-Nya dari awal hingga akhir (Syed Ahmad Semait, 1979). Ihsan menghasilkan sifat muraqabah iaitu pengetahuan bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi perkara dalaman dan luaran (Ibn Qayyim, t.t) (al-Baqarah: 253; 33:52; 57:4). Natiujahnya, seorang muslim yang mempunyai sifat muraqabah sentiasa merasai kebesaran Allah SWT dalam hatinya, beramal dengan penuh keikhlasan hingga menumbuhkan rasa cinta kepada Allah SWT.

Manifestasi daripada keterikatan manusia dengan asas Iman, Islam dan Ihsan ini melahirkan aqidah yang benar, ibadah yang sejahtera dan akhlak yang menjadi buah daripada aqidah dan ibadah yang dilaksanakan. Aqidah yang benar datang dengan menjernihkan pemikiran tauhid dan kesempurnaan ketuhanan dari segala pencemaran yang berlaku kepadanya sepanjang zaman, memurnikan pemikiran kenabian dan risalah dari segala gambaran salah terhadapnya. Ia juga membersihkan pemikiran pembalasan Akhirat dari segala anasir jahat yang memasukinya seperti sangkaan dan sangkalan golongan jahil, penyelewengan ekstrimis dan penipuan golongan pengamal amalan khurafat (al-Qardhawi 2000). Aqidah tauhid ini jelas dan bersih dari fahaman yang mengelirukan, penambahan (bid'ah), tahyul dan khurafat yang menyelina masuk dalam pemikiran manusia yang tidak dipandu dengan risalah kebenaran (al-Baqarah ayat 116.).

Ibadah kepada Allah SWT adalah meliputi seluruh kehidupan yang menyusun semua urusan bermula secara individu sehingga melibatkan pembangunan negara dari aspek politik, ekonomi, muamalat dan penghukuman dan prinsip-prinsip hubungan antarabangsa semasa damai atau peperangan (al-Qaradhawi, 2000). Islam datang dengan melakarkan sistem hidup manusia yang zahir mahupun batin, menentukan etika perilaku dan hubungannya berdasarkan petunjuk yang dibawa oleh Manhaj Ilahi. Pelaksanaan ibadah merupakan pengaturan hidup seorang muslim melalui pelaksanaan solat, pengaturan pola pemakanan melalui puasa, tanggungjawab sosio ekonomi melalui zakat dan ikatan sosial melalui haji (an-Nahlawi 1995). Dengan kesempurnaan sistem berfikir yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada manusia, ibadah di dalam Islam lebih merupakan amalan soleh dan latihan spiritual yang diikat oleh makna yang hakiki bersumberkan fitrah manusia (al-An'aam: 162-163).

Akhlak yang mulia adalah matlamat asas bagi risalah Islam (Fathi Yakan, 1992) bertepatan dengan tujuan perutusan Rasulullah SAW yang bermaksud:

Sesungguhnya tidaklah aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan akhlak.

(Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Akhlak adalah keadaan dalaman insan yang melahirkan perbuatan mudah tanpa memerlukan pertimbangan fikiran (Al-Ghazali, 1998). Ianya merupakan isu utama pada peringkat diri, keluarga, masyarakat dan negara (Fathiyah, 2012). Menurut Zakaria Stapa (1995), akhlak ialah perbuatan yang sehati pada diri sehingga tidak memerlukan individu untuk berfikir bagi melakukannya. Menurut Al-Ghazali (1998), akhlak boleh dibangunkan dengan membentuk akhlak yang baik, menyingkirkan akhlak yang buruk serta melakukan rawatan kepada masalah akhlak. Antara perkara yang diusulkan dalam proses ini ialah kaedah teladan (Alavi 2007), nasihat dan pengawasan (Abdullah Nasih Ulwan 1996).

Ibadah tanpa akhlak ialah ibadah yang tiada nilai kerana hanya terzahir melalui gerakan dan perbuatan sahaja (Fathi Yakan 1988). Akhlak yang mulia merupakan intipati bagi segala ibadah kerana tanpa akhlak ibadah hanyalah adat resam dan gerak laku yang tidak mempunyai faedah (Fathi Yakan 1992).

FITRAH INSAN

Menurut M. Quraish Shihab (2003), terdapat tiga istilah yang digunakan di dalam al-Quran yang merujuk kepada manusia, iaitu: (1) terdiri dari huruf alif, nun, sin seperti ins, nas atau unas; (2) basyar; (3) Bani Adam atau zuriyat Adam. Manusia diciptakan oleh Allah SWT dengan penyediaan potensi yang membolehkannya memikul tanggungjawab sebagai hamba (Az-Zaariyat: 56) dan khalifah di muka bumi (Al-Baqarah:30). Islam sebagai ad-Din adalah pelengkap kehidupan manusia, yang mengandungi pengajaran yang membawa kepada keamanan, kemakmuran dan kebahagiaan untuk kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah Ar-Ruum ayat 30.

Antara ciri-ciri fitrah manusia ialah kecenderungan beragama dengan menerima Allah SWT sebagai Tuhan (Hasan Langgulung, 1986). Menurut M. Quraish Shihab (2003) fitrah yang dimaksudkan ialah hakikat manusia yang bermula awal kejadiannya, membawa potensi beragama yang lurus (tauhid). Dalam konteks ayat ini bermaksud bahawa fitrah keagamaan akan sehati di dalam diri manusia untuk selama-lamanya, walaupun berkemungkinan ia tidak diakui dan diabaikan.

Manakala perkaitan antara agama atau ad-Din dengan fitrah insan ditegaskan oleh al-Qaradhawi (2001) dengan menyatakan bahawa ad-Din merupakan sesuatu yang dirasai oleh manusia sebagai keperluan atau desakan dalaman secara semulajadi yang mengakui mereka dan alam di sekeliling mereka mempunyai Tuhan Yang Agung. Bersesuaian dengan fitrah yang disediakan oleh Allah SWT kepada manusia ini, maka perutusan Rasulullah SAW yang membawa risalah Ilahi sebagai penunjuk kebenaran adalah bertepatan dengan kehendak dan keperluan manusia dalam melaksanakan tanggungjawab di atas muka bumi ini sebagai hamba Allah SWT dan khalifah-Nya yang membawa kemakmuran kepada alam.

TUNTUTAN AT-TADAYYUN DALAM KEHIDUPAN INSAN

Kefahaman terhadap konsep at-Tadayyun, penghayatan serta pelaksanaannya dalam kehidupan insan merupakan satu tuntutan khusus yang perlu menjadi keutamaan. Ianya adalah keperluan asasi yang berkaitan dengan inti kehidupan, rahsia kewujudan dan persoalan penting yang menjadi tuntutan dalam kehidupan manusia.

Akal untuk mengetahui realiti kehidupan

Bersesuaian dengan penciptaan manusia yang merupakan makhluk Allah SWT yang memiliki keupayaan untuk berfikir, manusia diberikan keupayaan dapat memahami perkara-perkara yang diluar kejadiannya sendiri. Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 190.

Menurut Ibnu Khaldun, manusia memiliki keupayaan berfikir kerana mempunyai kemampuan tamyiz iaitu membezakan (Lilik Ardiansyah, 2013), Selain itu, terdapat banyak potensi-potensi manusia yang disebut di dalam al-Quran, seperti memuji dan memuliakan manusia dengan penciptaannya yang sebaik-baik kejadian (al-Tin 95:5) serta penegasan tentang kemuliaannya berbanding kebanyakan makhluk Allah SWT yang lain (al-Isra' 17:70). Namun begitu, terdapat

ayat Al-Quran yang antaranya mencela manusia kerana sikapnya berbuat aniaya dan mengingkari ni'mat (Ibrahim 14:34), banyak membantah (al-Kahfi 18:54), bersikap keluh kesah dan bakhil (al-Ma'arij 70:19) (M. Quraish Shihab, 2003).

Hakikat akal yang dikurniakan Allah SWT memerlukan panduan kerana keterbatasannya dalam berfikir perkara-perkara yang di luar kemampuan manusia. Dengan adanya potensi akal dan juga potensi-potensi lain yang dikurniakan oleh Allah SWT ini, konsep at-Tadayyun dihayati dan diusahakan menjadi satu kebiasaan dan seterusnya sebati di dalam diri sesuai dengan watak manusia itu sendiri.

Keperluan Fitrah manusia

Manusia adalah makhluk yang diciptakan oleh Allah SWT bukan sekadar dengan kemampuan akal semata, tetapi juga mempunyai perasaan dan ruh yang menjadi asas terbentuknya fitrah dan tabiat semulajadi manusia. Menurut Al-Qaradhawi (2000), fitrah manusia sentiasa haus dan tidak pernah puas dengan kelebihan ilmu dan keseronokan material sehingga ia mempercayai kewujudan Allah SWT. Oleh itu, Allah SWT sentiasa mengingatkan manusia supaya sentiasa berwaspada tentang hakikat dunia yang penuh dengan keseronokan dan tipu daya sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Hadid ayat 20.

Lantaran itu, Allah SWT mengarahkan fitrah manusia supaya kembali kepada hakikat yang asal dengan merujuk tanda aras sebenar maksud kebaikan dan keburukan selari mengikut batasan yang ditetapkan oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya dalam surah Al-Rum ayat 30. Dengan mengambil intipati risalah Ilahi sebagai pegangan yang memandu jalan di dunia, fitrah manusia akan terisi dan tenang, jauh daripada kesesatan kembali kepada hakikatnya yang sebenar iaitu, menghambakan diri kepada Yang Maha Pencipta.

Kesihatan jiwa dan kekuatan rohani

Jiwa dan sihat dan rohani yang kuat perlu diberi makanan yang sesuai dengan fitrahnya. Kekuatan jiwa dan rohani terletak pada pengisian yang terkandung dalam risalah Islam yang lengkap dan sempurna mencakupi perkara berkaitan roh dan juga jasad. Kepercayaan kepada keadilan dan kasih sayang Allah SWT, balasan baik dan buruk di hari Pembalasan akan melahirkan kesihatan jiwa dan kekuatan kerohanian kepada manusia. Firman Allah SWT menggambarkan tentang betapa pentingnya jiwa dan rohani yang sihat dalam memandu seseorang ke jalan yang benar dan lurus termaktub di dalam surah al-Fajr ayat 27 hingga 30.

Jiwa yang tidak diisi dengan pengisian kerohanian yang mampu memberi kekuatan, akan dipenuhi dengan hawa nafsu yang membawa kemudharatan dan kemusnahan fitrah insan yang dibekalkan oleh Allah SWT. Manusia yang hidup tanpa kepercayaan yang kukuh lebih kerap menghadapi tekanan jiwa, ketegangan saraf dan kecelaruan pemikiran, mudah mengalah dan melakukan kesilapan dalam mencari penyelesaian (al-Qaradhawi, 2000). Tanpa wujudnya konsep at-Tadayyun dalam diri seseorang, manusia akan mengalami kecenderungan ke arah perkara yang bertentangan dengan fitrah yang disediakan oleh Allah SWT. Ini selari dengan pandangan Arnold Toynbee (al-Qaradhawi 2000) seorang sejarawan dan ahli falsafah:

Agama adalah pembawaan sejati dan tabie manusia. Cukuplah kita katakan keperluan kepada agama menyebabkan andaikata seseorang itu merasa putus harapan, dia akan mencari hiburan keagamaan untuk menghadapi perkara yang sudah tidak dapat diatasinya.

(al-Qaradhawi, 2000: halaman 6)

Oleh itu, hanya penghayatan terhadap konsep At-Tadayyun yang berfungsi mencorakkan kerohanian dan kejiwaan manusia dalam kehidupan seharian (H.M. Arifin, 1977) berupaya menyeimbangkan unsur dalaman dan luaran ini seterusnya mampu menghasilkan adab dan akhlak yang baik sebagaimana yang disarankan oleh Imam Al-Ghazali:

Dan adab yang paling bermanfaat ialah menekuni dan memahami agama, zuhud di dunia dan makrifat (mengenal) Allah SWT.

Dorongan dan peraturan dalam masyarakat

Masyarakat yang sejahtera ialah masyarakat yang sentiasa terpelihara daripada kerosakan perlakuan di luar batasan anggotanya. Manakala akhlak yang baik dan lurus merupakan manifestasi dari jiwa dan rohani yang sihat (al-Ghazali, 1988: 1053). Dalam konteks kehidupan bermasyarakat, manusia sentiasa memerlukan dorongan dan motivasi yang merangsang untuk melakukan kewajipan dan kebaikan. Dalam masa yang sama, manusia juga memerlukan disiplin dan peraturan yang mengawasi tingkah laku agar sentiasa berada di atas landasan yang benar dan tidak melanggar dan mengabaikan tanggungjawab terhadap orang lain. Ini selari dengan firman Allah SWT yang sentiasa mengingatkan hambanya mengenai tanggungjawab terhadap diri dan orang lain sebagaimana firman-Nya dalam surah at-Tahrim ayat 6.

Sabda Rasulullah SAW juga sentiasa menjadi dorongan kepada manusia untuk sentiasa melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah sebagaimana yang bermaksud:

Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu bertanggungjawab terhadap apa yang kamu pimpin.

(Riwayat Imam Muslim)

Oleh itu, kepercayaan, keyakinan, penghayatan dan pelaksanaan terhadap peraturan agama merupakan satu tuntutan penting dalam mendidik jiwa, membersihkan akhlak, membentuk dorongan yang merangsang kebaikan dan menjauhi kejahatan (al-Qaradhawi, 2000). Ianya menjadi jaminan kepada setiap anggota masyarakat untuk terus bermotivasi kepada kebaikan dan memelihara peraturan akhlak dalam setiap perkara yang dilakukan. Dengan itu, akan terbentuklah masyarakat yang maju dan ke hadapan samada secara spiritual mahupun pembangunan material yang memacu pertumbuhan kemajuan dan kesejahteraan sesebuah negara.

Semangat kerjasama dan persaudaraan

Manusia tidak mampu hidup secara bersendirian. Setiap individu sentiasa berhajat kepada pihak lain. Melalui kefahaman terhadap asas-asas yang mendasari at-Tadayyun, persaudaraan atas ikatan keimanan akan terbentuk serta mencapai kesatuan. Kehidupan bermasyarakat pula tidak akan tertegak kecuali dengan wujudnya kerjasama dalam kalangan anggotanya melalui peraturan yang menyusun etika perhubungan, menentukan hak dan kewajipan sesama mereka. (al-Qaradhawi, 2000). Semangat kerjasama saling membantu dan memberi kebaikan, mengajak kepada kebaikan dan menghalang kemungkaran disarankan oleh Allah SWT dalam surah al-Maa'idah ayat 2.

Sebaliknya pula, kehidupan bermasyarakat yang berdiri atas kepentingan individu tidak mampu bertahan dalam menghadapi ujian samada berunsur dalaman mahupun luaran. Dengan intipati at-Tadayyun ini, kerjasama yang berdasarkan keimanan yang sebenar akan terbentuk yang seterusnya membawa kepada kesatuan dan semangat persaudaraan yang tinggi, saling mengasihi dan bantu membantu kerana Allah SWT.

PENUTUP

Konsep iman yang sebenar bukan sekadar amalan lisan, anggota badan dan perasaan semata-mata. Ianya bermula dengan kesedaran akal serta hati dengan keyakinan yang mutlak yang dibuktikan dalam bentuk ketundukan dan ketaatan terhadap peraturan yang ditetapkan (al-Qaradhawi, 2000b). Ianya dibuktikan melalui konsep at-Tadayyun yang memberi maksud menghayati, mengamal dan melaksanakan perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya secara menyeluruh dalam semua aspek kehidupan merangkumi segala dimensinya iaitu aqidah, ibadah dan akhlak.

Kesempurnaan risalah tauhid yang disampaikan melalui perutusan para Rasul mengandungi intipati yang menepati tabie manusia diikuti dengan perutusan Baginda Rasulullah SAW sebagai utusan yang terakhir menyempurnakan risalah ad-Din hingga ke akhir zaman. Manakala manusia secara fitrah dan keterbatasan kemampuan akalunya, sentiasa berhajat kepada ajaran yang berupaya memandu ke arah kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Melalui asas yang mendasari serta dimensi yang lahir mencakupi seluruh urusan kehidupan manusia, konsep at-Tadayyun membuktikan peranannya dalam kehidupan manusia, secara individu mahupun dalam komuniti yang lebih besar yang melibatkan individu lain dalam mencapai kesejahteraan di dunia dan juga di Hari Pembalasan kelak.

RUJUKAN

- Al-Quran Tajwid dan Terjemahan. 2014.
- Abdul Aziz. 2013. *Religiosity and Personal Values of Muslim Undergraduates in Malaysian Private University*. University of Wales. United Kingdom.
- Abdul Rahman an-Nahlawi. 1995. *Pendidikan Islam; di rumah, sekolah dan masyarakat*: Gema Insani Press. Jakarta.
- Abdullah Nasih Ulwan. 1996. *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam*. Jilid 1 & 2: Kaherah: Dar As-Salam.
- Alavi, H.R. 2008. *Nearness to God: A perspective on Islamic education*. *Religious Education*. 103(1) 5-21.
- Ali At-Thontowi. 1997. *Islam Yang Semestinya Difahami*. Terj. Zainuddin Ismail dan Anwar Fakhri Omar. Pustaka Salam Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur.
- Al-Bugha, Mustafa Dib. 1998. *Nizam al-Islam fi al-Aqidah wa al-Akhlaq wa al-Tasri'*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1998. *Ihya' Ulum al-Din*. Jilid 3 dan 4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Jawziyah, Ibn Qayyim. T.t. *The station of muraqabah*. Sunnahonline.com. 6 Oktober 2015.
- Al-Nawawi, Al-Imam Yahya bin Syarifuddin. 1984. *Hadith 40*. Terj. Aminah Abdullah Dahlan. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Fathi Yakan. 1988. *Apa Erti Saya Menganut Islam*. Terj. Alias Othman. Pustaka Salam: Kuala Lumpur.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin. 2012. *Peranan dan Cabaran Guru Dalam Pengajaran Pendidikan Islam*. Penerbit Universiti Putra Malaysia. Sedang, Selangor
- Gamal Abdul Nasir Zakaria. 2003. *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd: Bentong, Pahang
- H.M. Arifin, 1977. *Psikologi dan beberapa aspek kehidupan ruhiyah manusia*. Jakarta. Bulan Bintang.
- Haron Din. Dr. 1990. *Manusia dan Islam*. Jilid 3. Cetakan Pertama. Dewan Bahasa dan Pustaka: Ampang, Selangor. hlmn 338.

- Hasan Langgulang. 1984. *Manusia dan Pendidikan: Suatu Analisa Psikolog dan Pendidikan*. Pustaka Al-Husna. Indonesia. hlmn. 74.
- Lilik Ardiansyah. 2013. *Pemikiran Ibnu Khaldun Tentang Pendidikan*. Tesis Sarjana. Universitas Negeri Yogyakarta.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid. 2006. *Penghayatan Agama Sebagai Paksi Melayu Glokal*. Konvensyen Melayu Glokal. Kuala Terengganu: Terengganu Development Institute, hlmn. 1-5.
- Mahmood Zuhdi. 2010. *Apa Kata Islam Mengenai Manusia dan Alam*. PTS Islamika Sdn. Bhd.: Batu Caves, Selangor.
- Maududi, Abu al-A'la. 1985. *Asas-asas Islam*. Terj. H.O.K. Rahmat. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Muhammad Abdullah Darraz. tt. *Ad-Din*. Dar al-Qalam, Kuwait. hlmn 52.
- Muhammad Mahmud Hijazi. 2005. *Tafsir al-Wadhiah Juz 30*. Terj Bahagian Terjemahan & Editorial. Pustaka Salam Sdn. Bhd. Batu Caves Kuala Lumpur. Hlmn 173.
- M. Quraish Shihab. 2003. *Wawasan Al-Quran: Tafsir Maudhu'i atas pelbagai persoalan umat*. Mizan Media Utama: Bandung, Indonesia. ms 284
- Norshidah Mohd Salleh dan Khalim Zainal. 2007. *Kemerosotan Disiplin Pelajar: Cabaran kepada pembangunan modal insan*. Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Negara Ketiga. UKM. hlmn 527-528
- Shamsul Mohd Nor. 2012. *Hakikat Hidup Beriman*. Yamani Angle Sdn. Bhd: Batu Caves, Selangor.
- Syed Ahmad Semait. 1979. *Kuliah Subuh 1*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Tabarah, Afif Abdul al-Fattah. 1981. *Berbagai Perspektif Islam (Ruh al-Din al-Islamiy)*. Terj. Md Akhir Hj Yaacob. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Yusof Al-Qaradhawi. 2000. *Pengantar Pengetahuan Islam*. Terj. Mohammad Zaini Yahya. As-Syabab Media: Bandar Baru Bangi, Selangor.
- Yusof Al-Qaradhawi. 2000b. *Kemanisan Iman*. Terj. Mahmud Hj. Ahmad Jabatan Kemajuan Islam Malaysia: Matang Cipta Sdn.Bhd. Kuala Lumpur
- Zaidan Abd al-Baqi. t.t. *Ilmal-Ijtimai' al-Dini*, Cairo: Maktabah Gharib. hlmn. 63
- Zakaria Stapa. 1995. *Akhlag dan Tasawwuf*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Zulkiplee Abd Ghani dan Nor Salimah Abu Mansor. 2006. *Penghayatan agama sebagai asas pembangunan pelajar: Analisis terhadap beberapa pandangan Al-Imam Al-Ghazali*. Rujukan dari <http://eprints.utm.my>. pada 20/9/2015.